

Tongkat

serba guna OKU

Oleh Marziana
Mohamed Alias
bhvarsiti@bh.com.my

► Nilai

Sekumpulan tiga penyelidik di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berjaya menghasilkan tongkat pelbagai guna (I-OK) yang memudahkan dan

melancarkan pergerakan golongan orang kurang upaya (OKU).

Alat ciptaan Mohd Nazmi Mohd Salleh, Nor Faidilatul Asma Ramley dan Nur Aqilah Ishak itu antara lain turut membolehkan OKU berehat dan membawa muatan diperlukan.

Mohd Nazmi yang juga warga OKU berkata, tongkat berkenaan

dilengkapi tempat duduk diperbuat daripada fabrik khas di bahagian tengah bagi fungsi pengguna berehat, selain roda di bahagian depan untuk memaksimumkan pergerakan.

Bukan itu sahaja, beliau berkata, tempat duduk berkenaan boleh digunakan untuk meletak barangan ketika pengguna bergerak.



Pasukan penyelidik USIM memenangi **Anugerah Khas Juri dan pingat emas** dalam NRIC menerusi inovasi tongkat pelbagai guna untuk OKU.



Roda dipasang pada bahagian hadapan tongkat bagi memudahkan pergerakan OKU.

Meraih anugerah "Pengalaman peribadi menghadapi kesukaran melakukan pelbagai pergerakan dalam masa yang sama, menjadi pencetus idea kepada kumpulan kami untuk tampil dengan langkah penyelesaian ini.

"Tongkat khas dilengkapi pelbagai fungsi ini dapat membantu warga OKU, terutama apabila melakukan perjalanan jauh, tambahan pula tidak semua premis menyediakan kemudahan rehat untuk

golongan istimewa," katanya.

Lebih menarik, I-OK berjaya meraih Anugerah Khas Juri yang julung kali diperkenalkan dalam Pertandingan Penyelidikan dan Inovasi Novel (NRIC) 2014 di Universiti Sains Malaysia (USM), Georgetown, baru-baru ini.

Selain itu, inovasi terbabit yang bersaing di bawah kategori Transformasi Sosial dan Seni Kreatif, turut memenangi pingat emas dalam pertandingan berkenaan.

Tongkat I-OK membantu melancarkan pergerakan OKU.